

KOLEJ PILIHAN



Puan Norliza...  
lahirkan karyawan berwibawa.

# Akademi Seni Kebangsaan tumpuan mereka yang mahu bergelar artis!

Oleh: AZLIE HALIM Foto: BADRUL HAFIZ

**T**ak lekang dek panas, tak luput dek hujan. Begitulah tingginya nilai seni negara kita yang sejak turun temurun menjadi warisan bangsa. Sesungguhnya martabat kesenian tempatan harus dijagakan demi untuk kesinambungan generasi akan datang.

Justeru, sebagai satu usaha untuk menghasilkan seniman yang mahir dan karyawan yang berwibawa. **Akademi Seni Kebangsaan** (ASK) telah ditubuhkan pada tahun 1990. Di bawah bidang kuasa Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Akademi ini juga bertindak sebagai sebuah pusat sumber rujukan etnologi seni.

### Puan Norliza Rofli, Pendaftar Akademi Seni Kebangsaan

berkata bahawa ASK menyediakan program bertaraf 'diploma' dalam bidang penulisan kreatif, seni muzik, seni tari dan teater.

"ASK ditubuhkan untuk menyediakan peluang dan ruang bagi rakyat Malaysia mengikuti latihan secara formal. Matlamat kami

